Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 8, e002478
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2478

Golongan Islamis: Kemunculan dan Perkembangan dari Tahun 1970-an Sehingga Tahun 1999 di Malaysia

(Islamist: The Emergence and Development from 1970s-1999 in Malaysia)

Adibah Yasmin Alias[1], Jamaie Hamil[2*], Mohd Irwan Syazli Saidin[3]

[1]Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: adibahyasminalias90@gmail.com
[2]Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: jamaie@ukm.edu.my
[3]Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: irwansyazli@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Jamaie Hamil
(jamaie@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Golongan Islamis
Gerakan Islam
Islam Politik
Islamisasi
Malaysia

KEYWORDS:
Islamist
Islamist Movement
Islamic Politic
Islamisation
Malaysia

CITATION:
Adibah Yasmin Alias, Jamaie Hamil & Mohd Irwan Syazli Saidin. (2023). Golongan Islamis: Kemunculan dan Perkembangan dari Tahun 1970-an Sehingga Tahun 1999 di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(8), e002478. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2478

ABSTRAK

Artikel ini membahaskan kemunculan golongan Islamis bermula daripada fenomena kebangkitan Islam sehingga tercetusnya gelombang Reformasi 1998 yang membawa kepada pembentukan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) pada tahun 1999. Kemunculan golongan Islamis di Malaysia lahir daripada Gerakan Islam seperti ABIM dan JIM yang mempunyai ciri-ciri pemikiran reformis yang di inspirasikan daripada Gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir. Dengan menggunakan konsep Islam politik serta Islam dan Demokrasi, penulisan ini akan membentangkan dua bahagian utama: kemunculan golongan Islamis dan aliran dukungan golongan Islamis dalam Parti KeADILan. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dan sumber diperolehi menerusi sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperolehi menerusi temubual dengan beberapa orang responden dan sumber sekunder diperolehi melalui buku-buku yang dipinjam daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, koleksi buku peribadi dan rujukan artikel melalui internet, dan tesis ilmiah. Berdasarkan analisis kajian yang dibuat, kemunculan golongan Islamis begitu ketara semasa program Islamisasi dekad 80-an dan 90-an dijalankan oleh pemerintah di mana gerakan Islam seperti ABIM dan JIM dilihat mengiktiraf program Islamisasi tersebut. Seterusnya, pengembangan aliran golongan Islamis (ABIM dan JIM) ini semakin jelas semasa gelombang Reformasi berlaku sehingga tertubuhnya Parti KeADILan.

ABSTRACT

This article discusses the emergence of Islamists starting from the phenomenon of Islamic revival until the outbreak

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

of the 1998 Reformation wave that led to the formation of the National Justice Party (KeADILan) in 1999. The emergence of Islamists in Malaysia was born from Islamic Movements such as ABIM and JIM which have the characteristics of reformist and was inspired by the Muslim Brotherhood Movement in Egypt. By using the concept of political Islam as well as Islam and Democracy, this writing will present two main parts: the emergence of Islamists and the flow of support for Islamists in the KeADILan Party. This study also uses a qualitative approach and sources were obtained through primary and secondary sources. Primary sources were obtained through interviews with several respondents and secondary sources were obtained through books borrowed from the Tun Seri Lanang UKM Library, personal book collections and article references via the internet, and scholarly theses. Based on the analysis of the study, the emergence of Islamists was very noticeable during the Islamization program of the 80s and 90s carried out by the government where Islamic movements such as ABIM and JIM were seen to recognize the Islamization program. Next, the development of Islamist groups (ABIM and JIM) became obvious during the Reformation wave until the establishment of KeADILan Party.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa golongan Islamis wujud di dalam Parti KeADILan dan ia terdiri daripada Islamis ABIM dan JIM yang menjadi pendukung utama dalam penubuhan Parti KeADILan.

1. Pengenalan

Kebangkitan Islam muncul sebagai sebuah kuasa global yang berpengaruh dalam politik Muslim sekitar tahun 1970-an dan 1980-an dan secara tidak langsung telah membuka mata Barat terutamanya dalam politik dunia (Esposito 1999). Di Malaysia, fenomena kebangkitan Islam yang berlaku di negara ini sekitar tahun 1970-an bukanlah wujud secara tiba-tiba tanpa sebarang peristiwa yang signifikan. Pasca kemerdekaan menyaksikan kepimpinan negara mewarisi pentadbiran kolonial yang bersifat sekular. Malah golongan Melayu muda pula leka dengan budaya hedonis Barat yang dipopularkan dalam media hiburan (Ahmad Fauzi, 1998). Dalam masa yang sama ekonomi dan pendidikan orang Melayu masih lagi mundur berbanding kaum lain (Hussin, 1990). Ketidaksamaan taraf sosioekonomi orang Melayu dengan kaum lain akhirnya membawa kepada isu perkauman dalam tragedi 13 Mei 1969. Situasi ini mendorong kepada politik identiti di mana orang Melayu mula mempersoalkan lebih tentang Islam dan situasi ini seolah-olah seperti saling melengkapi (Hussin, 1990).

Fenomena kebangkitan Islam di Malaysia telah melahirkan gerakan Islam yang bertujuan menyampaikan dakwah kepada masyarakat supaya mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, fenomena ini juga telah mengubah sudut pandang orang Melayu dalam pengamalan agama Islam. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membahaskan kemunculan golongan Islamis bermula daripada fenomena kebangkitan Islam sehingga tercetusnya gelombang Reformasi 1998 yang membawa kepada pembentukan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) pada tahun 1999. Tahun 1999 dipilih sebagai *cut-off point* bagi makalah ini untuk melihat gambaran lebih jelas

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengembangan aliran dukungan Islamis daripada sokongan kepada program Islamisasi kepada gerakan reformasi dan seterusnya dukungan terhadap penubuhan Parti KeADILan. Selain itu, artikel ini akan menggunakan istilah "KeADILan" berbanding PKR mahupun PKN. Hal ini kerana, menurut Hamdan (2018), tiada singkatan PKR mahupun PKN diluluskan oleh Pihak Pendaftar Penubuhan.

Berdasarkan matlamat kajian ini, artikel ini hanya memfokuskan kepada gerakan Islam seperti ABIM dan JIM yang berkongsi pemikiran reformis yang sama dan diinspirasikan daripada gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dan sumber diperolehi menerusi sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperolehi menerusi temu bual dengan beberapa orang responden dan sumber sekunder diperolehi melalui buku-buku yang dipinjam daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, koleksi buku peribadi dan rujukan artikel melalui internet, dan tesis ilmiah . Kemudian, kajian ini juga dianalisis secara deskriptif berdasarkan maklumat yang diperoleh. Manakala dari sudut keunikan kajian ini, sehingga kini kajian yang memfokuskan kepada kemunculan golongan Islamis terutamanya dari tempoh 1970-an sehingga 1998 adalah terhad dan terbatas. Kajian lepas terutamanya dalam kerangka Islam politik di Malaysia banyak memfokuskan kepada kajian kebangkitan Islam di Malaysia, kajian gerakan Islam, kajian persaingan politik Islam antara UMNO dan PAS dan juga kajian tentang Islamisasi. Oleh yang demikian, kajian ini berusaha untuk mengisi kelompongan kajian terdahulu dengan memfokuskan kepada kemunculan golongan Islamis bagi menambah korpus ilmu dalam bidang politik Islam.

2. Konsep Kajian: Islam politik serta Islam dan demokrasi

Kebangkitan Islam di dunia Muslim tidak asing lagi kerana jika disorot kembali pada abad ke 19 sehingga abad ke 20 peristiwa ini lebih dikenali sebagai revivalisme yang diinspirasikan oleh aktivis Pan-Islam iaitu Al-Afghani. Tokoh aktivis Al- Afghani lebih sesuai digelar sebagai seorang *revivalist* berbanding tokoh Islamis. Hal ini disebabkan beliau tidak mempunyai cita-cita terhadap tatanan politik berdasarkan Ilahi dan hanya menekankan pembaharuan Islam dalam konteks gerakan anti-kolonial (Bassam Tibi, 2012). Walau bagaimanapun, perbahasan mengenai ideologi Islam politik ini sangat berkait rapat dengan konsep Islamisme yang menuntut peranan Islam yang lebih besar dalam pemerintahan, ekonomi dan masyarakat. Malah pendukung Islamisme juga merupakan golongan Islamis yang mahukan kekuasaan negara Islam berasaskan syariah. Dasar yang diutarakan juga sering diklasifikasikan sebagai Islamisasi dan syariahisasi yang menandakan mereka mahukan sebuah negara lebih mencerminkan nilai-nilai Islam (Wan Nik, 2014).

Islamisme pertama kali bergerak ke hadapan sebagai kekuatan yang memobilisasi di peringkat awal adalah di Mesir. Idea-idea Islamisme disebarkan secara meluas ke seluruh dunia sunni dengan menawarkan *al-hall al-Islami* (solusi Islam). Solusi ini bukan hanya tertakluk kepada dunia Arab sahaja tetapi untuk seluruh dunia Islam dan seterusnya untuk dunia secara umumnya. Perlu dijelaskan juga bahawa Islamisme bukanlah revivalisme agama. Islamisme ini berfokus kepada pencarian tatanan politik bertunjangkan agama yang menjurus kepada rumusan *din wa daulah.* Dengan kata lain, Islamisme berbicara dengan bahasa agama tetapi pemikirannya berkisar tentang persoalan kekuasaan politik dan pemerintahan. Malah, kerangka dari tatanan Ilahi itu merupakan ciri dasar Islamisme di semua tingkatan. Oleh itu, jika al-Afghani seorang revivalis maka Hassan al-Banna pula merupakan seorang Islamis (Bassam Tibi, 2012).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kebangkitan islam tahun 1970-an di Malaysia banyak dipengaruhi kerangka pemikiran haraki Ikhwanul Muslimun dan Jamaat Islamiyyah oleh gerakan Islam yang pada awalnya bersifat dakwah. Antara buku-buku tokoh Islam yang menjadi rujukan penting dalam menanam kesedaran itu ialah buku Hassan al-Banna, Al-Mawdudi dan Syed Qutb. Di samping itu, terdapat juga rujukan dan tulisan lain seperti tokoh Malek Ben Nabi, Kurshid Ahmad, Hasan Turabi dan lain-lain yang turut menyumbang kepada pemikiran haraki dalam pergerakan dakwah di negara ini. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perkembangan pemikiran haraki ini juga mendorong kepada penubuhan parti-parti Islam yang menjadikan politik dan perebutan kuasa politik sebagai agenda utama. Perlu difahami bahawa Islam politik ini berbeza dengan harakah Islam kerana agenda utama Islam politik ialah untuk mendapatkan kuasa politik. Manakala harakah Islam pula adalah untuk memperjuangkan pembangunan semula tamadun Islam dalam pelbagai bidang kehidupan dan program menghadapi cabaran daripada kemunduran warisan dan kemaraan tamadun dan kebudayaan Barat. Harakah Islam juga memfokuskan kepada akidah dan pandangan hidup yang membentuk tingkah laku dan budaya dalam jemaah supaya perjuangan Islam dapat digerakkan secara menyeluruh (Nakhaie, 2014).

Nakhaie (2014) juga membahaskan bahawa dalam Islam politik, kuasa politik dalam sesebuah negara perlu dikuasai oleh golongan yang memperjuangkan Islam dan barulah tamadun dan kebudayaan Islam itu dapat dibangunkan semula. Oleh itu, bagi mencapai matlamat mendapatkan kuasa politik, Islam politik menubuhkan parti politik dan menyertai parti lain dalam pilihan raya serta mengikuti kehendak sistem demokrasi yang membenarkan pilihan raya di jalankan. Sebagai pendukung Islam politik, mereka turut menggunakan taktik politik dan mengasosiasikan diri mereka dengan nama-nama pergerakan yang berpengaruh. Sebagai contoh, banyak pendukung Islam politik menggunakan nama Ikhwanul Muslimun untuk menggerakkan cita-cita Islam politik walaupun tindakan mereka sedikit pun tidak melambangkan fikrah pergerakan itu. Perkara biasa yang dilakukan oleh pendukung Islam politik ialah sering menggunakan nama dan imej Islam untuk mengumpulkan pengaruh walaupun tindak tanduk mereka tidak melambangkan tuntutan Islam sebenar.

Perlu ditekankan bahawa perbahasan mengenai Islam politik sangat berkait rapat dengan konsep Islamisme. Menurut Roy (1994) konsep Islamisme ini sebenarnya pecahan daripada jalur *salafiyya.* Malah, golongan Islamis juga secara umumnya mengambil teologi golongan salafi seperti berdakwah agar kembali kepada ajaran al-Quran, dan mengikut sunnah dan syariah Islam. Golongan Islamis juga mengangkat proses ijtihad iaitu pentafsiran individu dan mereka juga percaya bahawa masyarakat akan menjadi Islamis hanya melalui aksi politik dan sosial dan bukan terikat dengan aktiviti masjid sahaja. Selain itu, gerakan Islamis juga dipimpin oleh intelektual muda sekular yang memberi kenyataan terbuka sebagai "*religious thinkers*" (Ismail & A. Umar, 1981). Dalam perspektif Islamisasi pula, golongan Islamis melihat ia proses sintesis ideologi secara total di mana masyarakat perlu melalui proses transformasi terlebih dahulu dan kemudian barulah pelaksanaan syariah dapat dikukuhkan. Hal ini disebabkan oleh suasana Islamik dalam negara itu lebih penting daripada pengaplikasian syariah yang ketat.

Dari sudut istilah golongan Islamis, Shadi dan William Mc Cants (2017) mendefinisikannya sebagai mereka yang terlibat di dalam institusi politik dan bersedia bekerja dalam struktur negara sedia ada walaupun bersifat sekular. Golongan Islamis juga tidak dinafikan sering dikaitkan dengan gerakan Islam yang diinspirasikan dari jalur pemikiran Ikhwanul Muslimun Mesir. Manakala Tarek (2016) pula mendefinisikan golongan Islamis sebagai mereka yang berterusan percaya yang Islam melangkaui

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kerangka agama, dengan pegangan khusus akidah, ritual (amalan ibadah) dan larangan yang mesti diikuti oleh semua umat Islam. Bagi mereka, ia sentiasa berlegar-legar di sekitar isu politik, ekonomi dan sistem sosial.

Kemudian, dari sudut Islam dan demokrasi pula satu konsensus di kalangan Islamis mirip ke arah tesis keserasian demokrasi dan Islam. Menurut Ghadbian (1997), Islamis 1990-an merupakan generasi ketiga gerakan aktif reformasi Islam melihat diri mereka sebagai *tayyar al-wasat* (ombak sederhana). Setelah mereka melepasi konsep-konsep dan model-model Barat serta memfokuskan perhatian kepada konsep, nilai dan prinsip asas demokrasi, mereka melihat ia selari dengan Islam, mewakili kepercayaan yang mereka pegang dan dapat menampung nilai-nilai Islam dalam kehidupan politik. Bahkan di kebanyakan negara Muslim, hanya golongan Islamis memainkan peranan pembangkang yang efektif kepada pemerintahan authoritarian (Monshipouri, 1997). Anjakan Islamis ke arah "fasa penglibatan" adalah lebih daripada setakat melibatkan diri dalam proses pilihan raya. Ia juga merupakan anjakan di mana tema utama dalam wacana Islamis semakin ditujukan kepada isu demokrasi, pluralisme dan kebebasan politik.

Selain itu, sokongan kepada Islamis di negara-negara Muslim adalah sangat dipengaruhi oleh oleh keadaan politik dan ekonomi selain tradisi budaya dan agama penduduknya (Tessler, 1997). Tema demokratik yang disuarakan oleh Islamis dalam menentang pemerintahan opresif ini juga boleh menghalang kecenderungan autoritarianisme dalam dirinya. Aliran baharu ke arah keterbukaan demokratik dalam politik Iran selepas era awal yang dicirikan oleh peperangan dan "*emosianalisme Khomenei*", contohnya adalah ekoran daripada desakan dalaman yang berlandaskan janji-janji autoritarianisme dan kebebasan politik semasa revolusi 1978-79 (Bayart, 1994). Oleh itu, konsep Islam dan demokrasi juga dijadikan landasan dalam melihat anjakan wacana politik Islam di Malaysia bermula tahun 1990 sehingga berlakunya reformasi yang menyaksikan Gerakan Islam mula terlibat dalam proses demokrasi.

3. Sorotan Literatur

3.1. Kemunculan Gerakan Islam di Malaysia Dekad 1970-an

Pada awal tahun 1970-an, gerakan kebangkitan Islam bergerak secara aktif dalam masyarakat dalam usaha mereka menyampaikan dakwah kepada orang Melayu cara hidup dan nilai Islam sebenar. Terdapat dua aspek yang ditekankan oleh pendakwah iaitu pertama pertentangan mereka terhadap kemungkaran yang terdapat pada amalan orang Melayu. Strategi dakwah ini dilihat mempunyai persamaan dengan cara golongan reformis Islam awal abad ke-20 yang menumpukan perhatian kepada adat yang mengandungi unsur khurafat, bida'ah dan aspek yang bertentangan dengan aqidah Islamiyah. Kedua, gerakan Islam ini berdakwah agar masyarakat Melayu menghayati Islam secara menyeluruh dalam kehidupan yang melangkaui amalan beribadat seperti sembahyang dan berpuasa. Dakwah yang disampaikan oleh gerakan Islam ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu. Tetapi ia merupakan penafsiran semula tentang Islam dan penonjolan kembali aspek Islam yang sudah lama tidak disentuh (Muhammad, 2018).

Oleh itu, bagi menelusuri perbincangan tentang gerakan Islam yang muncul dalam era Kebangkitan Islam, artikel ini akan memfokuskan kepada gerakan Islam yang beraliran reformis seperti ABIM dan JIM. Gerakan Islam ini sebagai kenyataan duluan boleh dianggap sebagai perintis dalam memperkenalkan Islam politik dengan slogan Islam sebagai solusi.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Gerakan pertama yang akan dibincangkan ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Perbincangan ABIM ini menyentuh sedikit tentang PKPIM memandangkan kedua-dua pertubuhan ini berkait rapat di antara satu sama lain. Malah menurut Jomo dan Ahmad Shabery (1988), ABIM yang ditubuhkan pada tahun 1971 itu terdiri daripada alumni Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan kebanyakan pemimpin PKPIM menjadi pemimpin ABIM. ABIM juga ditubuhkan oleh para pelajar intelektual yang kebanyakannya adalah wakil pelajar universiti. Walaupun ABIM dicetuskan oleh pemimpin PKPIM, tetapi ia turut disertai oleh Persatuan Pelajar Islam Kolej Malaya (PPIKM), Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM), Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Pertanian, Persatuan Mahasiswa Islam Institut Teknologi Mara dan Persatuan Pelajar Islam Negeri seperti KPIP (Perak), KPJJ (Johor), KPIK (Kedah dan Kelantan) (Ibrahim & Mariam, 2017).

ABIM secara umumnya mendapat sokongan padu daripada golongan muda di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Malah pemimpin ABIM terdiri daripada mereka yang berlatar belakang pendidikan sekular dan agama sama ada di universiti tempatan mahupun universiti luar negara. Latar belakang ahli ABIM ini juga antara faktor yang dapat mempengaruhi masyarakat dengan lebih meluas dan seterusnya gerakan ini lebih menonjol setelah Anwar Ibrahim memegang pucuk pimpinan ABIM dari tahun 1974 sehingga 1982 (Jomo & Ahmad Shabery, 1988). ABIM di bawah jalur reformis dilihat membawa usaha awal Islamisme atau kadang kala dikenali sebagai politik Islam. Hal ini kerana ABIM telah memperkenalkan idea umum mengenai perubahan dan dakwah Islam ke dalam arus perdana kehidupan rakyat Malaysia dengan menekankan prinsip *syumuliyyah* (menyeluruh dan sempurna) yang sangat penting dalam kebangkitan Islam (Maszlee, 2022).

Di atas kesedaran kurangnya pertubuhan belia yang mengambil berat dan memberi perhatian kepada soal-soal yang berkaitan dengan Islam secara serius maka wujudlah ABIM bagi mengisi kelompongan itu. Hal ini kerana pergerakan belia yang wujud ketika itu lebih tertumpu kepada aktiviti sosial yang bercorak hiburan, kebudayaan, pendidikan dan pakaian seragam semata-mata (Norazlan, 2017). Menurut Mashitah (2013), ABIM mendapat cetusan idea daripada perjuangan tokoh seperti Al-Mawdudi, Syed Qutb dan Hasan al-Banna dan tidak ketinggalan juga tokoh Nusantara Indonesia seperti Muhammad Natsir dan Imaduddin. Selain itu, antara matlamat perjuangan ABIM ialah berusaha merealisasikan ajaran al-Quran dan Rasullullah secara berperingkat dalam masyarakat. Di samping itu, ABIM menggunakan pendekatan memperbaiki masyarakat melalui daya usaha sosial, ekonomi, pendidikan, falsafah dan teknologi (Ahmad Fauzi, 1998).

Dalam mencapai matlamatnya untuk mempromosikan Islam dalam pemahamannya yang komprehensif dan dilaksanakan dalam kehidupan umat Islam Malaysia, ABIM telah merumuskan misinya di bawah dua prinsip utama Islam iaitu *tajdid* pembaharuan dan *Islah* (reformasi) masyarakat Islam dengan menyampaikan dakwah (penyebaran Islam) dan tarbiah (proses pendidikan). Aktivis ABIM mengambil cita-cita ini melalui interaksi mereka dengan pemimpin, aktivis, dan aktivis ABIM lain yang berpendidikan luar negara dan telah mengambil sistem pendidikan Ikhwanul Muslimin. Melalui aktivis ABIM inilah Ikhwanul Muslimin dan penerbitan Jamaat- e- Islami dari benua kecil India diperkenalkan kepada khalayak Malaysia. Buku Ikhwan digunakan secara meluas dalam perbincangan dalaman atau usrah ABIM. Malah, ABIM juga telah berjaya memperkenalkan pemikiran

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Islam lain seperti Naquib al-Attas, Ismail al-Faruqi, Ali Shariati, Malek Bennabi, Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi (Maszlee, 2022).

Menurut Badlisham (2007), Anwar melihat dakwah sebagai '*Nation of Reformity Society*' iaitu idea Syed Qutb dan dakwah dalam ABIM juga perlu bertunjangkan fundamental tertentu dalam acuan untuk revolusi radikal di dalam pendekatannya. Selain itu, ABIM semasa di bawah pimpinan Anwar terkenal dalam memperjuangkan nasionalisma Melayu dan dalam masa yang sama mahukan Islam (Ibrahim & Mariam, 2017). Tuntutan ABIM ini disuarakan kerana menganggap pendekatan UMNO sebagai sekular dan tidak Islamik (Zulkifly, 2011).

Oleh itu, ABIM memulakan langkah dalam memperjuangkan cita-cita Islamiyyahnya menerusi proses "agenda pembudayaan Islam". Agenda pembudayaan Islam dilaksanakan melalui usrah mingguan yang meliputi pengajian al-Quran, hadith dan isu-isu semasa. ABIM juga menjadi platform penting kepada kelompok gerakan Islam terutamanya di kalangan pelajar. ABIM mendidik masyarakat dalam dakwah mereka dengan menekankan bahawa Islam bukanlah hanya perkara ritual semata-mata tetapi Islam merupakan sebuah cara hidup. Malah Islam juga harus meliputi isu-isu besar termasuk di dalam aspek politik. Tambahan pula, penubuhan ABIM pada tahun 1971 itu juga dilihat tepat bagi mengisi ruang kritikan lantaran kemasukan PAS ke dalam Barisan Nasional pada tahun 1974 sehingga 1977. Peluang ini digunakan ABIM dalam mendepani desakan-desakan masyarakat terhadap isu Islamisasi dan pendemokrasian di Malaysia (Shaharuddin, 2016).

Antara isu besar yang ABIM kehadapan ketika itu ialah isu kemiskinan orang Melayu Islam di Baling Kedah tahun 1974, isu hubungan antara kaum dan isu takfir. Dalam isu kemiskinan di Baling, ABIM lantang mengkritik kerajaan dengan mengadakan demonstrasi sehingga Anwar Ibrahim selaku presiden di tahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA). Kemudian, dalam isu hubungan antara kaum pula ABIM berpendapat bahawa negara mestilah mengambil kira prinsip keadilan dalam Islam dan semua manusia mestilah dilayan dengan adil. Manakala dalam isu takfir yang merebak di kalangan masyarakat Melayu terutamanya di Terengganu, Kedah dan Perak Utara pula telah ditolak secara sepakat oleh ABIM. Isu takfir yang giat dipolemikkan juga dilihat bagi memenuhi tujuan kepentingan politik tertentu (Shaharuddin, 2016; Ahmad Zaki, 2003).

Selain itu, kemuncak perkembangan ABIM yang cemerlang dilihat semasa di bawah pimpinan Anwar Ibrahim dari tahun 1974 sehingga 1982. Anwar merupakan seorang tokoh aktivis Melayu kelas menengah yang tinggal di bandar, berlatar belakang pendidikan Inggeris dan sekular. Anwar juga mempunyai ciri-ciri peribadi yang menggalakkan pertumbuhan sesuatu pergerakan seperti berpidato, kebolehan organisasi, kecerdasan dan sikap tolak-ansur (Chandra, 1988). Walau bagaimanapun, kemerosotan ABIM terpancar setelah Anwar Ibrahim masuk ke dalam UMNO pada tahun 1982. Rekod ABIM sejak dari awal penubuhan sehingga Anwar membuat keputusan masuk ke dalam UMNO lantang menentang ideologi parti UMNO. Disebabkan peristiwa Anwar masuk UMNO juga menimbulkan perpecahan dalam ABIM di mana ahlinya ada yang pro UMNO dan ada yang pro PAS (Ibrahim & Mariam, 2017). Malah sejak Anwar masuk UMNO juga menjadikan gerakan itu lesu dan merosot disebabkan dedikasi terhadap perjuangannya semakin berkurang (Chandra, 1988). Walau bagaimanapun, terdapat anjakan pendekatan oleh ABIM setelah Anwar masuk ke dalam UMNO. Pendekatan ABIM boleh dikatakan lebih terbuka dan sederhana. ABIM juga mengambil pendekatan lain seperti *corrective participation, Tatbiq al-Syariah, Nahnu Duat La Qudhat* (kami pendakwah bukan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penghukum) dan penyelesaian masalah (problem solving) dijadikan sebagai sandaran baru ABIM dalam gerakan Islam (Shaharuddin, 2016).

Seterusnya, gerakan Islam yang mirip seperti ABIM dari segi intelektual dan ideologinya ialah Islamic Representative Council (IRC) yang kemudiannya menjadi Jemaah Islah Malaysia (JIM). IRC dalam Bahasa Melayu disebut sebagai Majlis Syura Muslimun (MSM) yang diasaskan pada tahun 1975 oleh sekumpulan pelajar Malaysia di Britain. IRC pada awalnya berpusat di Brighton dan dikerumuni oleh pelajar Melayu di peringkat pra-universiti dan pelajar ijazah sarjana muda yang melanjutkan pelajaran dalam bidang teknikal di City College dan Institusi Pendidikan Tertiari. Di situ, mereka didedahkan dengan doktrin revivalis Ikhwanul Muslimin Mesir dan Jamaat-i- Islami Pakistan yang disebarkan oleh pelajar Arab dan Asia Selatan yang bersama-sama mendominasi Persatuan Pelajar Islam (Ahmad Fauzi, 1998).

Jika ABIM menonjol di kalangan gerakan Islam dakwah di tanah air, maka IRC pula menonjol di kalangan pelajar di luar negara terutamanya yang belajar di Britain. IRC begitu kuat menginspirasikan pendekatan Ikhwanul Muslimin dan Jamaat-e-Islami sehingga struktur organisasi dan operasinya terutamanya dalam aktiviti regimentasinya hasil daripada pendedahan mereka terhadap dua gerakan ini. IRC juga berpegang teguh dengan ideologi pengajaran Islam yang menyeluruh dan sempurna (*syumuliyyah)* yang bukan hanya menekankan perkara-perkara kerohanian dan ritual, tetapi juga meneliti hal ehwal duniawi kerana mereka berulang kali menyeru kepada pelaksanaan Islam sebagai 'cara hidup yang sempurna' (Maszlee, 2022). Setelah 13 tahun jamaah IRC berkorban untuk tidak mewujudkan platform sendiri bagi mengelakkan persaingan akhirnya pada 27 Julai 1990 sebuah NGO Islam yang dikenali sebagai Jamaah Islah Malaysia (JIM) berjaya diwujudkan. bahkan JIM ini merupakan kesinambungan daripada aspirasi IRC (Maszlee, 2022). Selain itu, JIM cuba menonjolkan imej tarbiyyah dan islah (Ibrahim & Mariam, 2017).

3.2. Program Islamisasi Dekad 1980-an dan 1990-an

Dekad 1980-an memperlihatkan program Islamisasi yang mewarnai wacana Gerakan Islam di mana ada Islamis yang menyambut baik program tersebut dan ada Islamis yang mengkritik langkah tersebut. Dekad 1980-an ini juga menurut Syed Ahmad (2014) sebagai persaingan antara golongan elit Muslim yang berkuasa dan aktivis Islamis yang mempersoalkan kewibawaan kuasa elit itu. Kenyataan ini boleh ditafsirkan sebagai golongan elit Muslim itu daripada UMNO dan aktivis Islamis yang mempertikaikan kewibawaan kuasa elit itu daripada PAS. Selain itu, dekad ini membawa anjakan baru kepada Gerakan Islam apabila Anwar Ibrahim yang merupakan Presiden ABIM mengambil keputusan masuk ke dalam UMNO. Kemasukan Anwar ke dalam UMNO pada 29 Mac 1982 sememangnya mengejutkan pelbagai pihak terutamanya gerakan ABIM itu sendiri. Malah situasi ini juga menimbulkan kontroversi, polemik, konflik malah perpecahan di kalangan para pendukung gerakan Islam di Malaysia. Kemasukan Anwar dalam UMNO juga digambarkan sepertimana yang disebut oleh Farish (1999) dari pihak UMNO ia dianggap sebagai *"…one of the biggest coups ever achieved by the UMNO-led government".* Langkah UMNO ini dilihat berjaya apabila tindakan cepat membawa masuk Anwar ke dalam UMNO dapat melemahkan dan memecahbelahkan kekuatan dan kesatuan gerakan Islam yang ketika itu berada pada tahap momentum yang tinggi (Ahmad Zaki, 2003).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tahun 1982 semasa bermulanya pentadbiran Mahathir, proses Islamisasi dilihat sebagai projek dan bukan lagi sebuah simbol. Terdapat tiga projek utama yang dilaksanakan di bawah program Islamisasi iaitu perbankan Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan mewajibkan pengajian Ketamadunan Islam di peringkat tertiari (semuanya dijadualkan dilaksanakan bermula pada tahun 1983). Selain itu, projek Islamisasi ini dijayakan lagi dengan penubuhan *Malaysian Islamic Development Foundation* (kini dikenali sebagai JAKIM), meluluskan syarikat Insurans Islam dan syarikat pajak gadai Islam, membuat keputusan untuk menaiktarafkan kedudukan Qadi dan mahkamah syariah ke taraf majistret dan mahkamah sivil, larangan mengimport daging yang tidak halal (daging yang tidak disembelih). Selain itu, kerajaan juga menubuhkan Kolej Latihan Guru Islam di Petaling Jaya, peruntukan untuk menubuhkan Kompleks Antarabangsa Belia Islam, meningkatkan arahan dalam penggunaan *Jawi,* meningkatkan hubungan dengan negara Timur Tengah, mengetatkan peraturan pada bulan Ramadhan (termasuk menggantung sementara Program Rancangan Tambahan di semua sekolah rendah Ketika bulan puasa termasuk pelajar bukan Islam), melarang merokok di semua pejabat kerajaan dan kemudiannya mewujudkan larangan dalam membuat pinjaman MARA kepada perokok, kembali kepada kaedah tradisional dalam melihat anak bulan untuk menentukan tarikh Hari Raya, pindaan terhadap Kanun Keseksaan bagi perkara yang berkaitan dengan agama. Langkah lain yang dicadangkan seperti larangan berjudi, usul untuk menolak sumbangan *zakat* daripada liabiliti cukai pendapatan, dan terdapat juga usul dari Menteri persekutuan untuk menubuhkan undang-undang yang berkaitan dengan akhlak dan moral (Mauzy & Milne, 1983).

Selain itu, menurut Jan Stark (2003), kejayaan program Islamisasi masyarakat dan institusi di Malaysia sekitar tahun 1980-an dan 1990-an juga disebabkan oleh faktor "pengABIMAN UMNO". PengABIMAN UMNO ini ialah pelaksanaan secara bertahap sistem Islam dalam polisi kerajaan. Sistem Islam dalam konteks kerajaan telah banyak disalahtafsirkan dan menyebabkan lahir kelompok golongan pertengahan yang telah memperkenalkan bentuk baru masyarakat Islam, dan peranan ini banyak dimainkan oleh ABIM. Kemasukan Anwar ke dalam UMNO juga berjaya mengendurkan suara ABIM dalam mengkritik kerajaan dan sekitar tahun 1990-an, ABIM dikatakan mewakili aspirasi pemerintah (Shaharuddin, 2016).

Semasa Anwar di dalam kerajaan, ABIM tetap berpendirian sebagai badan non-partisan dari sudut politik walaupun ABIM banyak dijemput dalam beberapa perbincangan dalaman dan persidangan untuk didengari pandangan dan hujah mereka dalam pelbagai isu. Selain itu, penglibatan pemimpin ABIM dalam kerajaan juga diakui berjaya menggerakkan beberapa institusi pendidikan, ekonomi dan pemikiran ke arah Islam. Ia dapat dilihat dalam beberapa institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Institut Kajian Dasar (IKD), Biro Tatanegara (BTN), Institut Aminuddin Baki (IAB) yang dikatakan dipengaruhi oleh kader-kader ABIM dalam operasi dan pendekatan masing-masing. Antara tokoh pimpinan ABIM Pusat yang terlibat dalam institusi ini adalah Idris Jauzi, Sidek Baba, Malek Awang Kecil dan Ahmad Azam Abdul Rahman (Shaharuddin, 2016).

Pendekatan ABIM setelah Anwar masuk ke dalam UMNO boleh dikatakan lebih terbuka dan sederhana. ABIM juga mengambil pendekatan lain seperti *corrective participation, Tatbiq al-Syariah, Nahnu Duat La Qudhat* (kami pendakwah bukan penghukum) dan penyelesaian masalah (*problem solving*) dijadikan sebagai sandaran baru ABIM dalam gerakan Islam. Selain itu, ABIM dalam dekad ini juga menggunakan konsep *Manhaj Maliziy* (kaedah ke Malaysia-an). Konsep ini dicetuskan oleh Siddiq Fadhil, di mana

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membawa maksud ABIM berpegang kepada model gerakan Islam yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri tanpa menjadi pendua atau *carbon copy* kepada mana-mana gerakan Islam sedunia. Oleh kerana ABIM beroperasi dalam lingkungan alam Melayu, maka model yang dikemukakan mestilah berteraskan kepada alam tersebut. Pada umumnya, strategi *Manhaj Maliziy* meliputi tiga perkara utama iaitu kepimpinan antarabangsa, model pembangunan sosial dan juga penggerak politik pemersatu (Ahmad Azam, 1996; Shaharuddin, 2016). Di bawah kepimpinan Dr. Mohammad Nur Manuty, pendekatan dakwah dan politik ABIM semakin mengenepikan imej pembangkang dan radikal. Berdasarkan konsep *Wasatiyyah al-Islam* (kesederhanaan Islam), beliau menyeru supaya ABIM lebih terbuka dalam usaha menyesuaikan diri dengan perkembangan dunia moden. Pendekatan dakwah perlu sesuai dengan hakikat masyarakat Malaysia yang berbilang agama dan bangsa dan sesuai dengan konsep *Siasah Syariyyah* (Badlisham, 2015).

ABIM memilih kaedah terbaru ini kerana beranggapan bahawa zaman retoriknya telah berakhir dan ia mesti berjuang atas dasar realiti semasa. Kemudian, masuknya Anwar Ibrahim ke dalam UMNO memerlukan satu strategi baru dengan mengubah sifat radikalisme ABIM kepada sifat menyokong pemerintah. Sebagai satu strategi, kaedah ini tidak statik dan boleh diubah bila-bila masa sahaja apabila keperluan mendatang. Strategi itulah yang terbaik untuk mencapai cita-cita perjuangan Islam. Anwar Ibrahim hanya memerlukan satu tahap lagi untuk menjadi Perdana Menteri dan adalah tidak salah untuk ABIM menyokong Anwar Ibrahim dan pemerintah, kecuali terbukti Anwar tidak melaksanakan Islam apabila beliau mempunyai kuasa penuh. Mohd Nur Manuty juga menyebutkan bahawa Majlis Syura pada masa itu mengizinkan ahli ABIM memainkan peranan aktif dalam UMNO supaya menyelaraskan perjuangan ABIM (Shaharuddin, 2016).

Seterusnya, pada dekad 1990-an, telah wujud satu konsensus di mana terdapat keserasian dalam demokrasi dan Islam (Ghadbian, 1997). Selain itu, Syed Ahmad (2014) pula berpandangan bahawa senario politik Muslim semenjak akhir 1980-an menunjukkan satu siri anjakan oleh kerajaan Muslim yang berkuasa dan aktivis Islamis yang mencabarnya: yang satu ke arah Islamisasi, yang satu lagi ke arah memperjuangkan demokrasi dan penglibatan politik. Dekad ini juga menyaksikan polemik politik Islam dalam tuntutan untuk melaksanakan undang-undang syariah di Malaysia seperti Hudud (Syed Ahmad, 2014). PAS telah menunjukkan bahawa mereka serius dalam proses untuk menegakkan Undang-undang Islam jika diberi kesempatan untuk memerintah. Dari sudut politik, dalam tahun 1993, isu undang-undang Islam lebih memihak kepada PAS dalam mendapat simpati daripada masyarakat awam (Shaharuddin & Syazwanuddin, 2017).

Walau bagaimanapun, ketidaksediaan untuk melaksanakan hukum-hukum hudud oleh pihak kerajaan diungkapkan dengan hujah kepelbagaian terjemahan dengan memetik konsep *tawassut* (kesederhanaan) dan *awlayiyyat* (pengutamaan) yang turut disokong oleh sarjana-sarjana Islam yang dihormati. Bahkan, pendekatan Islamisasi Malaysia diterima dengan baik di peringkat antarabangsa oleh tokoh cendekiawan Islam seperti Hossein Nasr, Fazlur Rahman dan Ismail Faruqi. Tokoh-tokoh ulama yang terkemuka juga menyambut baik pendekatan Islamisasi Malaysia seperti Sheikh Muhammad al-Ghazali, Yusuf al-Qaradhawi dan Sheikh Al-Azhar Mohamad Sayed Tantawi (Syed Ahmad, 2014). Kebolehan Malaysia "*menjadi Islamik tanpa menjadi negara Islam*" menurut Nagata (1994) telah menjadikannya contoh sebuah negara Muslim yang "berjaya memahami secukupnya Islam dan kemodenan serta mengambil pelbagai inisiatif hasil pemahaman itu (Khuri, 1998).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Selain itu, dalam dekad 90-an juga muncul sebuah gerakan Islam yang dikenali Jemaah Islah Malaysia (JIM) yang berbentuk gabungan antara kepimpinan intelektual dan tokoh agama dalam berdakwah. JIM juga merupakan lanjutan daripada IRC (*Islamic Representative Council*) yang didukung oleh golongan profesional lepasan institusi pengajian dalam dan luar negara. Penubuhan JIM juga selaras dengan tuntutan kebangkitan Islam yang memerlukan pendekatan yang agak sederhana, berdaya maju dan professional dalam menangani masalah umat dan masyarakat. Perspektif tasawuf JIM secara umumnya hampir sama dengan ABIM. Ini dapat dilihat daripada penekanan gerakan ini kepada *manhaj tarbiyyah* Ikhwan Muslimin. Suatu perkara yang mungkin membezakannya sedikit dengan ABIM ialah konsep dakwah JIM yang amat dipengaruhi oleh pendekatan harmoni dan sederhana. Jika ABIM didakwa mirip kepada PAS khususnya di sepanjang tahun 1970-an, JIM pula berjaya menonjolkan konsep *non-partisan*nya dalam dakwah (Badlisham, 2015).

Jika dekad ini ABIM dikatakan mewakili aspirasi pemerintah dan suara kritikan semakin lunak, JIM yang baru ditubuhkan pada 1990 menggunakan pendekatan homeostasis dalam mengangkat Islam dengan cara mengekalkan dan memperkasakan komitmen Islam dalam kalangan pemimpin Melayu Islam. Hal ini dibuktikan dengan JIM berhasrat untuk bekerjasama dengan Anwar yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri (1993-1998) khusus dalam projek Islamisasi. Walaupun JIM mahu bekerjasama dengan Anwar yang ketika itu ahli UMNO namun JIM tetap berpendirian sebagai non-partisan. Selain itu, JIM juga dilihat menyatakan sokongan terhadap dasar-dasar kerajaan terutamanya dalam Wawasan 2020. Menurut Presiden JIM ketika itu iaitu Saari Sungib "*Pendukung dakwah Islamiyah dan gerakan Islam boleh terus mencemuh Wawasan 2020. Tetapi kita perlu sedar dengan hanya mencemuh dengan menyatakan Wawasan 2020 tidak Islamik, menghakis akidah ummah dan seumpamanya, hanya akan terus menjadikan kita ketinggalan*…" ia menuntut gerakan Islam untuk menganggap Wawasan 2020 sebagai satu peluang baik untuk mengoperasikan Islam dalam masyarakat Malaysia (Mohamad Redzuan & Shaharuddin, 2014).

Kemudian, dalam konteks kepimpinan Melayu, yang penting bagi JIM ialah bagaimana untuk membina *leverage* Melayu Baru yang merupakan asas strategi ke arah mengekalkan kepimpinan politik Melayu Islam. Beberapa asas strategi yang perlu digariskan ialah, pertamanya: memastikan dalam kitaran sistem kuasa, kestabilan kuasa yang dimiliki oleh orang Melayu Islam kini tidak diganggu oleh perpecahan sesama sendiri. Keduanya, memastikan perkembangan yang berlaku di Asia Pasifik tidak membawa kerugian politik kepada negara. Ketiganya, memastikan wujudnya integrasi yang padu dengan kaum Cina di Malaysia. Manakalanya yang akhirnya ialah memastikan supaya politik negara tidak diwarnai dengan politik perkauman. Teras Melayu Baru adalah Islam yang sebenar bahkan Melayu Baru bukan ditegakkan atas dasar ras atau bangsa. Agenda yang digariskan oleh JIM bermatlamat untuk membantu dalam memastikan kestabilan politik dan struktur kuasa di Malaysia dengan berusaha mempertahankan pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam. Dalam konteks ini, proses untuk mengukuhkan penguasaan dan kepemimpinan orang-orang Islam di negara ini dapat dilihat dengan memastikan "kitalah" golongan yang paling kehadapan dalam menggariskan agenda masyarakat dan negara" (Mohamad Redzuan & Shaharuddin, 2014).

Kemudian, dari sudut demokrasi pula, JIM melihat perkataan demokrasi dalam masyarakat dikaitkan dengan kebebasan dan pemeliharaan hak individu oleh satu sistem terhadap perkara-perkara yang membolehkan kebebasannya terjamin. Ia biasanya

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

melibatkan kebebasan bersuara, kebebasan berpersatuan, hak untuk memilih ketua, hak untuk diadili dan sebagainya. Selain itu, apa-apa sahaja proses demokrasi yang tidak bertentangan dengan syariat Islam yang boleh dimanfaatkan untuk pengembangan dan dakwah Islamiah akan dimanfaatkan sepenuhnya (Mohamad Redzuan & Shaharuddin, 2014). Walau bagaimanapun, setelah Anwar Ibrahim dipecat tahun 1998, JIM telah mengubah pendirian neutral politik mereka dan kemudiannya terlibat dengan proses demokrasi (Maszlee, 2022; Ahmad Zaki, 2003).

4. Dapatan Kajian: Gerakan Reformasi Pencetus kepada Penubuhan Parti KeADILan

Tahun 1998 telah melakarkan satu detik bersejarah dalam landskap politik di Malaysia apabila Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan juga UMNO. Krisis politik yang berlaku terhadap Anwar ini menyebabkan beliau kembali semula ke pangkuan rakan-rakannya yang setia dalam gerakan dakwah terutamanya ABIM. Bahkan ABIM juga yang pertama sekali tampil menunjukkan solidariti kepada Anwar atas prinsip kebenaran dan keadilan bukannya disebabkan taksub kepada seseorang tokoh. Malah, yang menariknya pemecatan ini juga menjadikan gerakan Islam yang menonjol seperti ABIM, JIM dan PAS bersatu (Muhammad Syukri, 2000). Penyatuan Gerakan Islam mampu menggerakkan massa yang dikenali sebagai gerakan reformasi (Ahmad Zaki, 2003). Untuk menjadikan gerakan reformasi ini lebih tersusun, ABIM memulakan langkah dengan melancarkan sebuah gerakan yang dikenali sebagai GERAK. Penubuhan GERAK pada awalnya di taja oleh empat pertubuhan Islam yang terdiri daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islam Malaysia (JIM), Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI) dan Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). GERAK merupakan inisiatif awal yang ditubuhkan untuk membela Anwar Ibrahim setelah difitnah dan dipecat melalui strategi penerangannya menerusi siri jelajah penerangan Anwar, pengedaran risalah, rakaman audio dan video penjelasan (Abu Muhammad, 2021).

Malah, Sharipuddin Muis berpandangan bahawa Anwar lebih *favor* untuk mengajak aktivis gerakan Islam untuk menyertai gerakan reformasi ini:

> "…dan Anwar ini dia lebih menarik kelompok aktivis agama (gerakan Islam) berbanding dengan kelompok sosial yang lain, sosialis ke yang lain-lainlah sebabnya latarbelakang dia. Latar belakang dia dalam ABIM semua tu so kalau you aware ada JIM *and all these institutions* (gerakan Islam).." (Temubual Sharipuddin, 2022).

Selain itu, penubuhan gerakan Reformasi ini juga merupakan antara program kolaborasi pertama antara ABIM dan JIM berdasarkan pendekatan politik yang sama. Malah, pertubuhan ini juga memberikan ruang dan pendedahan kepada beberapa pimpinan JIM untuk terlibat dalam aliran perdana terutamanya politik dalam kalangan badan bukan kerajaan (Shaharuddin, 2016).

Walau bagaimanapun, pada 21 September 1998 beberapa pemimpin utama ABIM telah ditangkap dan ditahan menyebabkan GERAK terhenti seketika. Antara pemimpin utama ABIM yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ialah Presiden ABIM Ahmad Azam Abdul Rahman, Timbalan Presiden Muhktar Redhuan, Setiausaha Agung, Shaharuddin Badaruddin dan Naib Presiden Abdul Halim Ismail. Pemimpin ABIM lain yang turut ditahan ialah Kamaruddin Jaafar, Kamaruddin Mohd

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Noor, Dr. Zamri Abdul Kadir, Amidi Manan dan Dr. Sidek Baba. Penangkapan pemimpin utama ABIM membuatkan gerakan reformasi di bawah platform GERAK terencat seketika (Abu Muhammad, 2021).

Namun, pada 27 September 1998 pemimpin PAS ustaz Fadhil Noor lantas mengambil alih kepimpinan GERAK dan melancarkan semula Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) dengan dianggotai lebih ramai pihak. Antaranya ialah Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Persatuan Perubatan Islam Malaysia, Ikatan Siswazah Muslim, Consumer Association of Penang (CAP), Teras Pengupayaan Melayu (TERAS), Persatuan Usahawan dan Pengurusan Islam Malaysia (URUS), dan Yayasan Islam Tolong Menolong Insan Malaysia (YATIM). Selain itu, GERAK juga disertai oleh individu seperti Profesor Emeritus Dato' Shahnon Ahmad (Sasterawan Negara), Dr. Abdul Azizi Bari dan Datuk Ishak Baharum (Bekas Mufti Selangor) (Abu Muhammad, 2021).

Setelah Anwar Ibrahim ditangkap dan dipenjarakan pada 20 September 1998, kepimpinan gerakan reformasi di ambil alih oleh Wan Azizah. Bagi meneruskan momentum gerakan reformasi yang masih membugar walaupun Anwar ditahan, Wan Azizah telah membina satu platform NGO yang dinamakan sebagai Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL). Walau bagaimanapun, badan NGO bukanlah setanding dengan parti politik. Oleh itu, suara-suara atau tindakan NGO tidak mampu melemahkan dan menjatuhkan parti kerajaan yang memerintah. Menyedari hal ini, agenda reformasi perlu diteruskan dengan penubuhan sebuah parti politik yang mendukung semangat reformasi agar dapat menyaingi parti politik pemerintah sedia ada. Usaha penubuhan sebuah parti politik yang mendukung semangat reformasi menemui jalan buntu apabila usaha mendaftarkan parti politik ditolak mentah-mentah. Alasan penolakan ialah ... "*mana-mana permohonan dari penyokong Anwar atau gerakan reformasi untuk mendaftarkan sebarang parti politik baharu, harus ditangguhkan kelulusannya sehingga ada arahan selanjutnya dari pihak atasan*" (Abu Muhammad, 2021).

Terdapat banyak perkiraan politik ketika itu yang diusahakan oleh aktivis-aktivis ABIM. Pertamanya, menggunakan parti politik sedia ada sama ada PAS ataupun Parti Rakyat Malaysia (PRM). Keduanya, menubuhkan parti baharu yang dikira agak mustahil ketika itu disebabkan kawalan pemerintah. Pendekatan ketiga ialah, menggunakan atau membeli sebuah parti politik yang masih sah tetapi tidak aktif lagi (*dormant)* namun masih boleh digunakan untuk membawa mesej reformasi politik di Malaysia (Shaharuddin, 2016). Walau bagaimanapun, usaha ini akhirnya menampakkan sinar apabila sebuah parti yang bernama Ikatan Masyarakat Islam Malaysia (IKATAN) telah menawarkan parti politiknya untuk digunakan oleh Anwar dan pendukung reformasi dengan syarat yang mudah dan menarik dan ini merupakan pendekatan ketiga (Abu Muhammad, 2021).

Lalu proses mengambil alih parti IKATAN ini dijalankan dan kemudiannya ditukar menjadi Parti Keadilan Nasional (KeADILan). Proses Pengambilalihan Parti IKATAN ini diuruskan oleh beberapa orang aktivis ABIM. Namun organisasi ABIM sendiri tidak dilibatkan secara langsung di dalam proses ini. Malah, jawatankuasa ABIM pusat juga tidak dimaklumkan tentang inisiatif ini. Usaha-usaha yang dijalankan adalah lebih berbentuk inisiatif kolektif beberapa orang aktivis ABIM yang bersimpati dengan Gerakan Reformasi dan perjuangan politik Anwar. Antara aktivis ABIM yang terlibat dalam proses

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

rundingan, persetujuan untuk pengambil alihan ini ialah Mohd Nor Nawawi yang merupakan mantan Naib Presiden ABIM, Mohd Nur Manuty yang merupakan mantan Presiden ABIM, Ustaz Nakhaie Ahmad yang merupakan mantan pimpinan ABIM, Mohd Anuar Tahir yang merupakan bekas Setiausaha Agung ABIM, Ustaz Ramli Ibrahim, bekas Exco ABIM Pusat dan Abu Muhammad yang merupakan aktivis ABIM peringkat akar umbi (Abu Muhammad, 2021).

Dalam melahirkan Parti Keadilan Nasional jelas menunjukkan penglibatan aktivis ABIM dalam proses perundingan dengan IKATAN sehingga tertubuhnya sebuah wadah perjuangan reformasi berasaskan parti politik. Menurut Mohd Nor Nawawi,

> "Peringkat awalnya memang ABIM la membidani PKR ni, tak ada ABIM memang takdelah PKR.." (Temubual Muhammad Noor Nawawi, 2022)

Berdasarkan kenyataan beliau, jelas menunjukkan aktivis ABIM memainkan peranan penting dalam menubuhkan parti politik KEADILAN walaupun dengan pelbagai cara sama ada melalui penubuhan parti baru mahupun pengambilalihan parti politik. Malah, dalam usaha mewujudkan parti politik sekalipun, idea ini telah disambut oleh ahli-ahli dalam ABIM (Shaharuddin, 2016). Selain itu, bagi mengukuhkan lagi dukungan terhadap parti KEADILAN ini, sebuah badan dakwah Gerakan Islam iaitu Jemaah Islah Malaysia (JIM) dijemput untuk menyertai KEADILAN. Oleh itu, Anuar Tahir bersama Dr. Mohd Nor Nawawi sendiri buat pertama kali bertemu dengan barisan pimpinan JIM yang diketuai oleh Saari Sungip untuk menyampaikan hasrat pengembelingan NGO juga seluruh tenaga rakyat Malaysia untuk bersama mendukung parti KEADILAN ini (Abu Muhammad, 2021). Menurut **Muhammad Noor Nawawi (Temubual, 2022),**

> "….ini bukan parti ABIM kita kata sesama kita ini ialah parti yang memperjuangkan KEADILAN, oleh yang demikian kita kena bawak sebanyak mungkin (ahli yang mendukung) dan atas kesedaran itulah maka ABIM tidak pernah berhasrat untuk memonopoli PKR ini jadi kita mengajak orang JIM, dan saya dan Anuar Tahir yang sebelum itu tidak pernah pijak pejabat JIM pergi ke pejabat JIM memberitahu secara rasmi nak berjumpa dengan kepimpinan mereka yang ketika itu presidennya Saari Sungib, Abu Urwah. So kita jumpa, pergi, dia layan *properly* dengan baik dan kita kata marilah kita kalau di luar sana orang kata kita bertembung bertarung marilah kita di sini bersama-sama. Marilah kita bersama-sama, *we help each other* kita *promote Islam through party politics*…." (Temubual Muhammad Noor Nawawi, 2022).

Kenyataan ini menunjukkan Islamis ABIM tidak mahu memonopoli Parti KEADILAN keseluruhannya tetapi terbuka mempelawa gerakan Islam lain iaitu JIM untuk mempromosikan Islam melalui platform parti politik. Hal ini kerana JIM antara pendukung awal GERAK semasa dilancarkan buat pertama kali selepas Anwar dilucutkan dari jawatan Timbalan Perdana Menteri. Tambahan pula idealisme JIM yang sama dengan ABIM iaitu sebuah gerakan Islam yang aktif dalam dakwah dan tarbiah. Selain itu, keputusan juga telah ditetapkan oleh Majlis Syura ABIM iaitu penglibatan bekas pimpinan ABIM di peringkat pusat dan juga ABIM negeri secara keseluruhannya mestilah tidak melebihi 30 peratus daripada kekuatan parti KeADILan untuk memastikan supaya KeADILan disertai oleh semua kelompok penyokong gerakan reformasi.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Seterusnya, dalam proses penubuhan Keadilan juga, antara perkara penting dalam proses pengambilalihan dan penjenamaan semula parti ini adalah meminda perlembagaan. Pindaan perlembagaan ini juga tertumpu kepada teras perjuangan parti KeADILan yang ingin di bawa. Menurut Muhammad Noor Nawawi (Temubual, 2022),

> "…Ok perbincangannya hangat tapi yang menariknya dalam suasana ilmiah dan tidak menengking dan sihatlah perbincangan tu. Pertama Malay based, kedua multiracial dan ketiga ni kita nak supaya kita *at par* dengan PAS dan kita *better than* UMNO iaitu kepimpinan Melayu mesti ada *strong Islamic credentials*. Ha kita berdebat yang itu, Perbincangan ini juga disertai oleh enam orang tokoh iaitu, Dr Muhammad Nur Manuty, Dr Mohd Noor Nawawi, Dr Chandra Muzaffar, Tian Chua, Dr Wan Azizah dan Fuziah Salleh…." (Temubual Muhammad Noor Nawawi, 2022)

Berdasarkan kenyataan tersebut, telah berlaku perbincangan yang hangat tetapi dalam suasana harmoni dalam meminda perlembagaan mengenai hala tuju parti KeADILan ini. Terdapat tiga perkara yang dibincangkan secara mendalam iaitu pertama KeADILan ini perlu bertunjangkan akar Melayu dari sudut kepimpinannya agar dapat menandingi UMNO. Kedua, KeADILan ini perlu berasaskan pelbagai kaum kerana semasa gerakan reformasi berlaku, orang bukan Melayu juga turut menyertai gerakan reformasi ini. Ketiga ialah KeADILan perlu dipimpin oleh seseorang yang mempunyai kuat latar belakang Islamnya disebabkan mahu standing dengan parti PAS. Situasi ini juga jelas menunjukkan Islamis ABIM mengambil bahagian dalam membawa halatuju parti KeADILan ini. Walau bagaimanapun, menurut Abu Muhammad (2021) setelah perbincangan dan pendapat diambil kira akhirnya "teras parti KeADILan sebagai sebuah "*parti pelbagai kaum yang berteraskan Melayu-Islam*" ini tidak dirangka secara jelas di dalam perlembagaan parti. Ia hanya menjadi satu kefahaman bersama sahaja.

Kemudian, setelah pelbagai urusan teknikal pengambil alihan parti IKATAN selesai, akhirnya pada 8 Mac 1999, Pendaftar Pertubuhan meluluskan pindaan -pindaan perlembagaan parti IKATAN yang dicadangkan. Manakala nama parti baharu pula ialah Parti Keadilan Nasional atau akronimnya KeADILan secara rasminya dibenarkan untuk menggunakannya. Kelulusan penubuhan parti ini menunjukkan KeADILan bersedia untuk bersaing dengan UMNO sebagai sebuah parti yang bersifat pelbagai kaum namun berteraskan Melayu Islam. Oleh itu, bagi menghebahkan kewujudan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) ini maka 4 April 1999 secara rasminya dilancarkan sebagai sebuah parti politik yang bersedia untuk bersaing di pentas politik Malaysia (Abu Muhammad, 2021).

5. Analisis Kemunculan Golongan Islamis sehingga Tertubuhnya Parti KeADILan

Artikel ini bertujuan untuk menjawab dua objektif iaitu pertama menganalisis kemunculan golongan Islamis dan kedua menganalisis aliran dukungan golongan Islamis dalam Parti KeADILan. Bagi menjawab objektif pertama iaitu menganalisis kemunculan golongan Islamis perlu difahami terlebih dahulu konsep Islam Politik yang sangat berkait rapat dengan Islamisme. Jika mengambil pandangan Roy (1994), golongan Islamis secara umumnya mengambil teologi golongan salafi seperti berdakwah agar kembali kepada ajaran al-Quran dan mengikut sunnah dan syariah Islam. Selain itu, gerakan Islamis juga di pimpin oleh intelektual muda sekular yang memberi kenyataan terbuka sebagai *religious thinkers.* Kemudian, dari sudut Islamisasi, golongan Islamis melihat ia suatu

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

proses sintesis ideologi secara total di mana masyarakat perlu melalui proses transformasi terlebih dahulu dan kemudian barulah pelaksanaan syariah dapat dikukuhkan. Hal ini disebabkan oleh suasana Islamik dalam negara itu lebih penting daripada pengaplikasian syariah yang ketat.

Bagi pengkaji, pandangan Roy (1994) ini sesuai di dalam kerangka Islam politik dekad 80-an dan 90-an di mana Islamisasi di Malaysia sedang rancak dilaksanakan dan didukung oleh gerakan Islam seperti ABIM dan kemudiannya JIM. Berdasarkan pandangan daripada Roy (1994), kemunculan awal golongan Islamis di Malaysia begitu ketara pada dekad 80-an dan 90-an di mana program Islamisasi giat dijalankan. Anwar Ibrahim yang masuk ke dalam UMNO boleh digambarkan sebagai golongan Islamis kerana mempunyai latar belakang sebagai aktivis gerakan Islam walaupun latar belakang pendidikan beliau bersifat sekular. Selain Anwar Ibrahim, ABIM yang merupakan sebuah gerakan Islam juga mula menonjolkan sisi Islamis menerusi pimpinan mereka yang terlibat dalam program Islamisasi kerajaan. Hal ini kerana, sejak Anwar masuk ke dalam UMNO, ABIM mula mengubah pendekatan beliau daripada bersifat radikal dan pembangkang kepada pendekatan sederhana dan lunak kepada pemerintah. Hal ini kerana ABIM menyambut baik program Islamisasi yang dilaksanakan iaitu sistem Islam yang bertahap dalam polisi kerajaan. Strategi ABIM dalam menyokong pemerintah bukanlah bersifat kekal malah boleh berubah di masa akan datang cumanya strategi ABIM ketika itu disifatkan terbaik untuk mencapai cita-cita perjuangan Islam (Shaharuddin, 2016).

Walaupun ABIM kekal sebagai pertubuhan *non-partisan,* namun Majlis syura pada masa itu mengizinkan ahli ABIM memainkan peranan aktif dalam UMNO supaya dapat menyelaraskan perjuangan ABIM. Oleh yang demikian, golongan Islamis dalam konteks ABIM ini lebih menonjol apabila terdapat pimpinan ABIM yang terlibat dalam kerajaan untuk menggerakkan beberapa institusi pendidikan, ekonomi dan pemikiran ke arah Islam. Antara Institusi yang ditubuhkan melibatkan pimpinan ABIM ialah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Institut Kajian Dasar (IKD), Biro Tatanegara (BTN), Institut Aminuddin Baki (IAB). Antara tokoh pimpinan ABIM Pusat yang terlibat dalam institusi ini adalah Idris Jauzi, Sidek Baba, Malek Awang Kecil dan Ahmad Azam Abdul Rahman (Shaharuddin, 2016).

Selain ABIM, JIM yang ditubuhkan pada tahun 1990-an juga dilihat menonjolkan ciri-ciri Islamis apabila JIM juga berhasrat untuk bekerjasama dengan Anwar yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri (1993-1998) khusus dalam projek Islamisasi. JIM yang dari awal penubuhan menggunakan pendekatan sederhana tetap berpendirian sebagai *non-partisan* walaupun mengiktiraf program Islamisasi yang dilaksanakan oleh pemerintah. Hal ini kerana, menurut Saari Sungib, ia merupakan satu peluang baik untuk mengoperasikan Islam dalam masyarakat Malaysia (Mohamad Redzuan & Shaharuddin, 2014). Pendekatan sederhana dan dukungan terhadap pemerintah yang diambil oleh ABIM dan JIM ini menunjukkan ia selaras dengan konsep Islam politik yang berkait dengan Islamisme dalam menuntut peranan Islam yang lebih besar dalam pemerintahan, ekonomi dan masyarakat. Malah pendukung Islamisme juga merupakan golongan Islamis yang mahukan kekuasaan negara Islam berasaskan syariah.

Seterusnya, bagi menjawab objektif kedua iaitu menganalisis aliran dukungan golongan Islamis dalam Parti KeADILan, pengkaji akan memfokuskan kepada gerakan reformasi sehingga tertubuhnya Parti KeADILan. Gerakan reformasi muncul setelah Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri tahun 1998. Peristiwa pemecatan itu membuatkan gerakan Islam ABIM dan JIM berhenti dari memberi dukungan kepada

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kerajaan dan tampil memberikan solidariti kepada Anwar Ibrahim. Untuk menjadikan gerakan reformasi lebih tersusun, ABIM memulakan langkah dengan melancarkan sebuah gerakan yang dikenali sebagai GERAK. Penubuhan GERAK pada awalnya di taja oleh empat pertubuhan Islam yang terdiri daripada ABIM, JIM, ASASI dan PKPIM (Abu Muhammad, 2021). Malah, dalam satu temu bual dengan responden, Anwar lebih (*favor)* untuk mengajak aktivis gerakan Islam untuk menyertai gerakan reformasi ini. Selain itu, penubuhan gerakan reformasi ini juga merupakan antara program kolaborasi pertama antara ABIM dan JIM berdasarkan pendekatan politik yang sama (Shaharuddin, 2016). Bagi pengkaji, pendekatan politik yang sama di sini bermaksud ABIM dan JIM mengiktiraf program Islamisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan juga pendekatan sederhana dan lunak kedua-dua gerakan Islam ini terhadap kerajaan pada dekad 80-an dan 90-an.

Kemudian, setelah Anwar ditangkap dan dipenjarakan, gerakan reformasi menyedari bahawa badan NGO tidak setanding dengan parti politik. Oleh itu, bagi meneruskan agenda reformasi, penubuhan sebuah parti politik yang kini dikenali sebagai Parti KeADILan perlu dilaksanakan agar dapat menyaingi parti politik pemerintah sedia ada. Penubuhan Parti KeADILan pada awalnya memang diusahakan oleh Islamis ABIM antaranya ialah Mohd Noor Nawawi, Ustaz Nakhaie Ahmad, Mohd Nur Manuty, Anuar Tahir, Ustaz Ramli Ibrahim dan Abu Muhammad (Abu Muhammad, 2021). Selain itu, bagi mengukuhkan lagi dukungan terhadap parti KEADILAN ini, sebuah badan dakwah Gerakan Islam iaitu Jemaah Islah Malaysia (JIM) dijemput untuk menyertai KEADILAN (Abu Muhammad, 2021). Kenyataan ini dikukuhkan lagi menerusi dapatan temu bual dimana JIM menerusi Presidennya iaitu Saari Sungib dijemput untuk menyertai KeADILan kerana Islamis ABIM tidak mahu memonopoli parti KeADILan keseluruhannya dan ia dilihat sebagai platform terbaik untuk mempromosikan Islam melalui platform parti politik. Tambahan pula, JIM juga merupakan antara pendukung awal Gerakan Reformasi (GERAK) semasa dilancarkan buat pertama kali. Keserasian untuk duduk bersama antara JIM dan ABIM juga berdasarkan perspektif tasawuf JIM secara umumnya hampir sama dengan ABIM. Ini dapat dilihat daripada penekanan gerakan ini kepada *manhaj tarbiyah* Ikhwan Muslimin (Badlisham, 2015).

Selain itu, hasil daripada temu bual juga mendapati bahawa terdapat tiga perkara yang dibincangkan secara mendalam oleh enam orang tokoh iaitu Dr Chandra Muzaffar, Dr Wan Azizah, Dr Mohd Noor Nawawi, Dr Muhammad Nur manuty, Tian Chua dan Fuzaih Salleh iaitu pertama KeADILan ini perlu bertunjangkan akar Melayu dari sudut kepimpinannya agar dapat menandingi UMNO. Kedua, KeADILan ini perlu berasaskan perlbagai kaum kerana semasa gerakan reformasi berlaku, orang bukan Melayu juga turut menyertai gerakan reformasi ini. Ketiga ialah KeADILan perlu dipimpin oleh seseorang yang mempunyai kuat latar belakang Islamnya disebabkan mahu setanding dengan parti PAS. Bagi pengkaji, keselarian yang dicapai dalam perlembagaan KeADILan yang merupakan sebuah parti pelbagai kaum disebabkan titik persamaan idealisme dari sudut hubungan antara kaum yang dibawa oleh Islamis ABIM dan JIM. ABIM menekankan prinsip keadilan bahawa semua manusia mestilah dilayan dengan adil dan JIM pula melihat politik negara tidak boleh diwarnai dengan politik perkauman. Oleh itu, keselarian faksi Islamis ini memudahkan perbincangan dalam merangka perlembagaan walaupun bertembung dengan faksi lain dalam parti ini. Kemudian, setelah pelbagai urusan teknikal selesai, maka 4 April 1999 secara rasminya dilancarkan sebagai sebuah parti politik yang bersedia untuk bersaing di pentas politik Malaysia.

Bagi pengkaji, melihat kepada golongan Islamis ABIM dan JIM yang mula terlibat dalam politik kepartian ia seakan selari dengan konsep Islam dan demokrasi di mana dekad

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1990-an satu konsensus telah tercapai di kalangan Islamis iaitu wujudnya keserasian antara demokrasi dan Islam. Penglibatan Islamis dalam politik kepartian juga merupakan percubaan berani mereka berhadapan dengan realiti politik yang selama ini hanya aktif dalam dakwah dan tarbiah. Oleh itu, dalam menjawab persoalan kedua ia jelas menunjukkan aliran Islamis yang mendukung Parti KeADILan adalah terdiri daripada Islamis ABIM dan JIM yang sememangnya dari dekad 80-an dan 90-an mengiktiraf program Islamisasi pemerintah dan kemudiannya bersama-sama dalam gerakan reformasi dan seterusnya terlibat dalam penubuhan awal Parti KeADILan. Secara tuntasnya, dalam memahami kemunculan golongan Islamis di Malaysia ia perlu dilihat dalam kerangka Islamisasi dan bagaimana mereka berkembang dalam kerangka demokrasi dengan mendukung penubuhan sebuah parti politik.

6. Kesimpulan

Landskap politik Malaysia sejak Kebangkitan Semula Islam telah berjaya mengubah corak politik di negara ini. Jika sebelum ini ciri sekularisme begitu menebal dalam pentadbiran kerajaan namun dengan munculnya fenomena kebangkitan semula Islam telah menambah warna agama Islam dalam pentadbiran kerajaan. Fenomena Kebangkitan Islam dirancakkan lagi dengan kemunculan Gerakan Islam seperti ABIM dan JIM yang diinspirasikan dari Ikhwanul Muslimin Mesir. Gerakan Islam ini membawa idealisme Reformasi dalam pendekatan dakwah dan tarbiyah mereka. Dinamisme gerakan Islam khususnya ABIM berbeza di mana dekad 70-an bersifat radikal dan pembangkang. Manakala dekad 80-an dan 90-an ABIM dan JIM sejak penubuhannya bersikap sederhana dan menyokong pemerintah berdasarkan usaha bersungguh-sungguh kerajaan melaksanakan projek Islamisasi di peringkat pentadbiran. Projek Islamisasi ini juga berjaya menonjolkan golongan Islamis yang membantu kerajaan melaksanakan proses Islam bertahap dalam pentadbiran.

Seterusnya, golongan Islamis juga berhadapan dengan realiti politik apabila Anwar Ibrahim dipecat dari jawatan Timbalan Perdana Menteri. Golongan Islamis mula bergerak di dalam kerangka demokrasi dengan menyertai gerakan Reformasi dengan menubuhkan GERAK. Menyedari badan NGO tidak mampu bersaing dengan parti politik, maka golongan Islamis mula terjun ke dalam politik kepartian melalui penubuhan Parti KeADILan. Secara tuntasnya, golongan Islamis dilihat berusaha berakomodasi dengan keadaan semasa bahkan terlibat juga dalam politik kepartian bagi meraih kuasa agar cita-cita perjuangan Islam mereka tercapai.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian. Responden temubual juga maklum tentang tujuan penyelidikan ini dan bersetuju data yang diperoleh akan digunakan di dalam kajian ini.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden temubual yang memberi kerjasama di dalam kajian ini dan tidak lupa juga kepada Dr Jamaie dan Dr Irwan yang turut menyumbang idea dalam penghasilan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Pengkaji tidak mempunyai konflik dengan mana-mana pihak yang terlibat di dalam kajian ini sama ada dengan badan NGO mahupun Parti Politik.

Rujukan

Abu Muhammad. (2021). *Parti Keadilan Rakyat: Jejak-jejak Kelahiran Mengislah Kenegaraan*. Seri Kembangan, Selangor: AKAR.

Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (1998). *Islamic Resurgence in Periphery: A Study of Political Islam in Contemporary Malaysia with Special Reference to the Darul Arqam Movement.* [Degree of the Doctor of Philosophy. University of Newcastle Upon Tyne United Kingdom].

Ahmad Zaki Abd. Latiff. (2003). *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971 -1998)*. [Disertasi Dr. Fal.], Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Badlisham Mohd Noor. (2007). Da'wah in Pronouncements of the ABIM Leaders (1975-1990s). *Jurnal Usuluddin, 26*(6), 85-104.

Badlisham Mohd Nasir. (2015). *ABIM dan PAS Dalam Gerakan Dakwah Islam di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bassam Tibi. (2012). *Islamism and Islam*. New Haven & London: Yale University Press.

Bayart, J. F.. (1994). Republican Trajectories in Iran and Turkey: A Tocquevillian Reading. Dalam Ghassan Salame (ed.), *Democracy Without Democrats? The Renewal of Politics in the Muslim World*. London: I.B. Tauris.

Chandra Muzaffar. (1988). *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Terj. Adibah Amin. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Esposito, J.L. (1999). *The Islamic Threat: Myth or Reality?* New York, Oxford University Press.

Farish A. Noor. (1999). Looking for Reformasi: The Discursive Dynamics of the Reformasi Movement and its Prospects as a Political Project. *Indonesia and the Malay World*, *27*(77), 5-18. DOI: 10.1080/13639819908729929

Ghadbian, N. (1997). *Democratization and the Islamist Challenge in the Arab World*. Boulder: Westview.

Hamdan Mohd Salleh. (2018). Parti Keadilan Rakyat sebagai parti oposisi dalam amalan demokrasi di Malaysia. Dalam Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi (pnyt.), *Merentasi Sempadan Yang Melewati Zaman* (halaman 311). Penerbit Universiti Malaya.

Hussin Mutalib. (1990). *Islam and Ethnicity in Malay Politics*. Singapore: Oxford University Press.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ibrahim Majdi & Mariam. (2017). Analisis Kritikal Perkembangan Intelektual Muslim di Malaysia Pasca Merdeka (1960-1990) Terhadap Kebangkitan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam, 10*(2), 88-110.

Ismail Faruqi & A. Umar Nassif. (1981). *Social and Natural Science: The Islamic Perspectives*. Jeddah: Hodder & Stoughton

Jan Stark. (2003). The Islamic Debate in Malaysia: The Unfinished Project. *South East Asia Research, 11*(2), 173-201.

Jomo Kwame Sundaram & Ahmad Shabery Cheek. (1988). The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence. *Third World Quarterly*, *10*(2), 843-868.

Khuri, R.K. (1998). *Freedom, Modernity and Islam- Towards a Creative Synthesis*. Syracuse, N.York: Syracuse University Press.

Maszlee Malik. (2022). *Sejarah Terpendam: Kemunculan, Kebangkitan dan Perkembangan Pertubuhan jamaah Islah Malaysia (JIM)*. Kuala Lumpur: Ilhambooks.

Mashitah Sulaiman. (2013). Islam dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Suatu Kajian Eksploratori. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*, 4-5 June 2013, Penang.

Mauzy, D.K & Milne, R.S. (1983). The Mahathir Administration in Malaysia: Discipline through Islam. *Pacific Affairs*, *56*(4), 617-648. https://doi.org/10.2307/2758595

Muhammad Abu Bakar. (2018). *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiram Tentang Islam Semasa.* Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Monshipouri, M. (1997). Islamism, Civil Society, and the Democracy Conundrum. *The Muslim World,* LXXXVII, 1, 54-66. https://doi.org/10.1111/j.1478-1913.1997.tb02741.x

Mohamad Redzuan Othman & Shaharuddin Badaruddin. (2014). Islam dan Politik Partisan: Peranan Badan Bukan Kerajaan dalam Politik Kepartian, dalam Mohd Izani Mohd Zain (pnyt.), *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik* (halaman 170). Penerbit Universiti Malaya.

Muhammad Syukri Salleh. (2000). Reformasi, reradikalisasi dan kebangkitan Islam di Malaysia. *Pemikir, 20,* 35-50.

Nagata, J. (1994). How to be Islamic without being an Islamic state: Contested Models of Development in Malaysia. Dalam Akber S. Ahmed and Hasting Donnan (ed.), *Islam, Globalization and Postmodernity* (Halaman 63-90). Routledge.

Norazlan Hadi Yaacob. (2017). *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia: Peranan dan Sumbangan Angkatan Belia Islam Malaysia 1971-2008*. [Ijazah Doktor Falsafah], Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia.

Nakhaie Ahmad. (2014). Islam, Politik dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun. Dalam Mohd Izani Mohd Zain (pnyt.), *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik (Halaman 30-32)*. Penerbit Universiti Malaya.

Roy, O. (1994). *The Failure of Political Islam.* Trans. Carol Volk. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.

Shadi Hamid & William Mc Cants. (2017). *Rethinking Political Islam*. New York: Oxford University Press.

Shaharuddin Badaruddin. (2016). *Masyarakat Madani dan Politik: ABIM dan Proses Demokrasi.* Shah Alam: Institut Darul Ehsan.

Shaharuddin Badaruddin & Mohammad Syazwanuddin. (2017). *Islam, Demokrasi dan Politik Bangkangan di Malaysia*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.

Syed Ahmad Hussein. (2014). Politik Muslim dan demokrasi di Malaysia: Anjakan, pertemuan dan landasan baharu dalam persaingan politik. Dalam Mohd Izani Mohd Zain, sunt. *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik (Halaman 131, 133 dan 145)*. Penerbit Universiti Malaya.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tarek Osman. (2016). *Islamism: A History of Political Islam from the Fall of the Ottoman Empire to the Rise of ISIS*. New Haven and London: Yale University Press.

Tessler, M. (1997). The Origins of Popular Support for Islamist Movement: A Political Economy Analysis. Dalam John P. Antelis (ed.), *Islam, Democracy and the State in North Africa* (Pp 93-126). Indiana University Press.

Wan Nik Wan Yussof. (2014). *Peranan Negara Dalam Mengendalikan Kumpulan Islamis: Kajian di Malaysia, turki dan Indonesia*. [Tesis Doktor Falsafah], Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkifly Abdul Malek. (2011). *From Cairo to Kuala Lumpur: The Influences of the Egyptian Muslim Brotherhood on the Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM)*. [Thesis M.A], Faculty of the Graduate School of Arts and Sciences, Georgetown University.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).